

13/02/2004

Urusetia ambil keputusan SPM

BANGI: Peserta Program Khidmat Negara (PKN) yang mendaftar mulai 16 Februari ini berpeluang mendapat keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) seurus diumumkan walaupun sedang menjalani latihan.

Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara, Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri, berkata Lembaga Peperiksaan Malaysia sudah memberi persetujuan memberi kemudahan bagi membolehkan peserta kumpulan pertama PKN itu mendapatkan keputusan seurus diumumkan.

Keputusan peperiksaan SPM 2003 dijangka diumumkan akhir bulan ini.

Berikutan itu, katanya, mereka hanya perlu memberikan maklumat lengkap dan terkini ketika pendaftaran PKN.

"Kita akan mendapatkan keputusan peserta terbabit di pusat peperiksaan yang terdekat dengan kem latihan masing-masing dan menyampaikan kepada mereka.

"Selain itu kita juga menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada mereka selepas mendapat keputusan berkenaan," katanya kepada pemberita selepas pelancaran Siri Simposium Berkala anjuran Institut Pemikiran Mahathir Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Biro Tata Negara, di sini semalam.

Mengenai langkah Pas melatih 1,500 anak ahlinya yang menyertai PKN bagi memantau program berkenaan, Dr Ahmad Fawzi yang juga Naib Canselor UUM berkata, kebimbangan yang ditimbulkan parti itu tidak berasas.

Malah, beliau memberi jaminan tiada kandungan dalam sukatan PKN yang mengaitkan kepentingan politik parti tertentu.

"Dalam merangka sukatan program ini kita sudah mengambil kira semua aspek yang menjadi kebimbangan masyarakat, termasuk jaminan ruang untuk membolehkan peserta menunaikan ibadat mengikuti agama masing-masing," katanya.

Beliau menolak dakwaan pihak tertentu kononnya jadual waktu PKN tidak mengambil kira kemudahan peserta beragama Islam menunaikan solat.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak akan melancarkan pelepasan Program Khidmat Negara peringkat nasional di Kota Bharu, Isnin ini.

Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Logistik dan Pengangkutan PKN, Brig Jen Datuk Ali Nasaruddin Ibrahim, berkata pelancaran diadakan di pekarangan Stadium Sultan Muhammad Ke-1V bermula jam 9 pagi membabitkan 2,267 peserta Kelantan.